

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah(UMPSA) Khas Bilangan 5/2024

TARIKH : 4 September 2024 (Rabu)
MASA : 10.00 pagi – 12.00 tengahari
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 1,
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan & Mekatronik
(FTKPM), UMPSA Pekan

**4.2 Kertas JKPU Khas Bil 5/2024 (UK2) Jabatan Pendaftar - Cadangan
Garis Panduan Penganjuran Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat
Jabatan Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah**

- (a) Mesyuarat mengambil maklum :
- (i) Mesyuarat JKPU Ke 237 Bil 16/2024 telah bersetuju bahawa penganjuran sambutan hari raya / rumah terbuka di peringkat Jabatan dan Universiti dilaksanakan dengan berhemat dan ianya diadakan dalam skala sederhana namun meriah dengan tujuan mengeratkan ukhwhah antara warga Universiti serta hubungan baik dengan pihak berkepentingan / rakan strategik menjelang sambutan hari raya yang disambut setahun sekali.
 - (ii) Dalam usaha penjimatan, pelaksanaan di peringkat Jabatan di Universiti ini juga boleh diselaraskan dengan kerjasama pihak Persatuan Kebajikan Staf, tajaan daripada pusat-pusat tanggungjawab, anak-anak syarikat dan lain-lain persatuan dalam Universiti mengikut penjadualan pembahagian menu.
 - (iii) Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar dan Pusat Komunikasi Korporat, Jabatan Canseleri telah mencadangkan Garis Panduan Penganjuran Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah sepertimana dalam kertas kerja di lampiran.

- (iv) Pelaksanaan penganjuran majlis sambutan hari raya/ rumah terbuka terbahagi kepada tiga (3) kluster seperti berikut
 - (1) Kluster Umum (Peringkat Universiti)
 - (2) Kluster Pelajar (JHEPA, Institut Pengajian Siswazah, Pusat Hubungan Antarabangsa)
 - (3) Kluster Industri & Rakan Strategik (Pusat Jaringan Industri & Masyarakat, Fakulti, Jabatan Penyelidikan & Inovasi)
- (v) Perincian bagi setiap kluster adalah sepertimana dalam kertas kerja di lampiran.
- (vi) Tiada sambutan di peringkat jabatan/ fakulti namun demikian Universiti tidak menghalang sekiranya pelaksanaan secara “pot luck” anjuran kelab kebajikan di PTJ masing-masing secara sukarela.
- (vii) Lokasi penganjuran adalah bergantung kepada kemampuan penganjur.
- (viii) Pelaksanaan majlis bersesuaian dengan amalan lestari yang dilaksanakan oleh Universiti ke arah mencapai Kemampanan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

(b) **Mesyuarat bersetuju :**

- (i) Meluluskan Cadangan Garis Panduan Penganjuran Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Jabatan Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah sepertimana berikut :
 - (1) Pelaksanaan penganjuran majlis sambutan hari raya / rumah terbuka terbahagi kepada dua (2) kluster iaitu :
 - i. Kluster Umum (Peringkat Universiti)
 - ii. Kluster Pelajar / Industri / Rakan Strategik (JHEPA, IPS, PuHA, PJIM, Fakulti dan JPI) digabungkan dan dilaksanakan dalam satu majlis dibawah satu taskforce / jawatankuasa
 - (2) Sekiranya Kluster Umum dilaksanakan di Kampus Pekan, maka Kluster Pelajar / Industri / Rakan Strategik akan dilaksanakan di Kampus Gambang.

- (3) Tiada sambutan di peringkat jabatan / fakulti, namun demikian Universiti tidak menghalang sekiranya pelaksanaan secara 'pot luck' anjuran kelab kebajikan di PTj masing-masing secara sukarela.
- (4) Penubuhan satu jawatankuasa khas atau taskforce bagi menguruskan sambutan / rumah terbuka peringkat dua kluster tersebut.
- (5) Sumber kewangan bagi penganjuran dua kluster adalah menggunakan tabung mengurus dan tabung amanah jabatan yang terlibat.

**Tindakan: Pendaftar / Pengarah Pusat Komunikasi Korporat
/ Pengurus, Jabatan Canseleri**



Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah(UMPSA) Ke-244 Bilangan 23/2024

TARIKH : 23 Oktober 2024 (Rabu)
MASA : 9.00 pagi – 11.30 pagi
TEMPAT : Bilik Mesyuarat LPU, Aras 3, Canseleri Tun Abd Razak,
UMPSA Pekan

3.21 **(Minit 4.2) JKPU Khas Bil 5/2024 (UK2) Jabatan Pendaftar -
Cadangan Garis Panduan Penganjuran Majlis Sambutan Hari Raya
Peringkat Jabatan Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan
Abdullah**

- (a) Mesyuarat mengambil maklum :
- (i) Pusat Komunikasi Korporat mencadangkan agar garis panduan ini dapat diedarkan kepada warga kampus UMPSA menjelang musim perayaan nanti.

Makluman

